

# KEBOLEHGUNAAN MODUL MAHIR KOHESI DALAM PENULISAN KARANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

NOR AKMA BINTI MAT NAWI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024

**KEBOLEHGUNAAN MODUL MAHIR KOHESI  
DALAM PENULISAN KARANGAN MURID  
SEKOLAH MENENGAH**

**NOR AKMA BINTI MAT NAWI**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2024**

**Sila tanda (√)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan  
dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

√

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH****PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 10 September 2024

**i. Perakuan Pelajar:**

Saya, **NOR AKMA BINTI MAT NAWI, P20201000392, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk **KEBOLEHGUNAAN MODUL MAHIR KOHESI DALAM PENULISAN KARANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

---

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **PROFESOR MADYA DR. DAHLIA BINTI JANAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEBOLEHGUNAAN MODUL MAHIR KOHESI DALAM PENULISAN KARANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**.

---

Tarikh

---

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

No. Matrik / Matric's No.: \_\_\_\_\_

Saya / I: \_\_\_\_\_

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keserasimahan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaksud dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/tradisi di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar / Signature)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Penyeleja / Signature of Supervisor  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Casatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi. Segala puji hanya bagi Allah S.W.T. dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, syukur, saya berjaya menyempurnakan penyelidikan ini. Sesungguhnya kekuatan dan semangat dalam menempuh dugaan dalam penyelidikan ini datangnya daripada Allah S.W.T.

### ***Sekalung penghargaan kepada:***

Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)  
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

### ***Segunung penghargaan ditujukan kepada:***

**Profesor Madya Dr. Dahlia binti Janan**

pensyarah penyelia yang banyak membantu, membimbing, memberi motivasi, berkongsi idea dan pandangan serta perbincangan ilmiah yang berterusan sepanjang pengajian.

### ***Setulus kasih atas sokongan dan pengorbanan untuk:***

Ayahanda, **Mat Nawi bin Mokhtar**

Bonda, **Nor A'ini binti Abdul Rahman**

Suami tercinta, **Nor Muhammad Sayoti bin Zulkipli**

Anakanda,

**Muhammad Afiq Iqwan bin Nor Muhammad Sayoti**

**Muhammad Aqil Irfan bin Nor Muhammad Sayoti**

**Nur Aira Qaisara binti Nor Muhammad Sayoti**

### ***Terima atas kerjasama:***

Ketua Penolong Pengarah Unit Bahasa Melayu Sektor Bahasa dan Kesusasteraan  
Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pensyarah Kanan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Kebangsaan  
Malaysia (UKM), Institut Aminuddin Baki (IAB)

Pensyarah Institut Perguruan Guru (IPG)

Guru Kanan Mata Pelajaran, Ketua Panitia, Guru Akademik Sekolah Menengah Jabatan  
Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL)

dan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam  
penyelidikan ini.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Mahir Kohesi (MMK) sebagai panduan bagi menghasilkan karangan yang mempunyai elemen kohesi. Kajian ini berdasarkan pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan yang dikemukakan oleh Richey & Klein (2007). Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa. Fasa pertama, iaitu, analisis keperluan melibatkan lapan orang pakar dan 200 penulisan karangan murid. Dapatan fasa ini menunjukkan keperluan membangunkan MMK di samping mengemukakan tiga elemen kesepaduan idea untuk MMK, iaitu, (1) kata kunci kehendak soalan, (2) kohesi perulangan dan (3) binaan karangan. Fasa kedua, iaitu, bahagian reka bentuk melibatkan 13 orang pakar yang digunakan untuk menetapkan elemen yang perlu dalam MMK. Kesepakatan pakar diperoleh daripada analisis *Fuzzy Delphi* yang menunjukkan konsensus melebihi 75 peratus dengan seluruh item yang dipilih memenuhi syarat kesepakatan antara pakar dengan nilai *defuzzification Alpha-Cut* ( $\alpha$ -Cut) melebihi 0.5 ( $>0.5$ ) dan nilai *threshold* ( $d$ ) kurang daripada 0.2 ( $<0.2$ ). Bahagian pembangunan pula melibatkan empat orang pakar untuk mengesahkan kandungan MMK menggunakan kaedah Indeks Validasi Kandungan (*Content Validity Index*). Keputusan Indeks Validasi Kandungan menunjukkan purata kesahan kandungan keseluruhan modul adalah sebanyak 98.84 peratus. Fasa ketiga, iaitu, proses penilaian menggunakan kaedah praeksperimental satu kumpulan bagi menguji keberkesanan MMK. Dapatan menunjukkan markah penulisan karangan pascaujian lebih tinggi daripada praujian dengan min pasca=38.96 berbanding min pra=9.12. Analisis kandungan karangan pula menunjukkan peningkatan penggunaan kohesi yang tinggi untuk perulangan rujukan diikuti perulangan perkataan sama maksud dan akhirnya perulangan perkataan sama. Kesimpulan, kajian ini menunjukkan keberkesanan MMK meningkatkan penggunaan kohesi dalam penulisan karangan murid. Implikasinya, MMK sesuai dijadikan panduan, bahan bantuan mengajar dan belajar untuk guru dan murid sekolah menengah.





## USABILITY OF THE MASTERY COHESION MODULE IN SECONDARY SCHOOL STUDENTS' ESSAY WRITING

### ABSTRACT

This study aims to develop the Mastery Cohesion Module (MMK) as a guide for producing essays with cohesive elements. The study is based on the Design and Development approach that Richey & Klein (2007) proposed. This research is divided into three phases. The first phase, which needs analysis, involved eight experts and 200 student essay. Findings from this phase indicated the necessity to develop the MMK, along with proposing three elements of idea cohesion for the MMK, namely (1) key terms from the question requirements, (2) cohesive repetition, and (3) essay structure. The second phase, the designing part, engaged 13 experts who were used to establish the necessary elements in the MMK. Expert consensus was obtained through Fuzzy Delphi analysis showing consensus exceeding 75 per cent, with all selected items meeting expert consensus criteria with Alpha-Cut defuzzification values exceeding 0.5 ( $>0.5$ ) and threshold value ( $d$ ) less than 0.2 ( $<0.2$ ). The development part involved four experts to validate the MMK content using the Content Validity Index method. The Content Validity Index results showed an average overall content validity of the module of 98.84 per cent. The third phase, the assessment process uses a pre-experimental single-group method to test the effectiveness of the MMK. The data indicated higher post-test essay scores compared to pre-test scores, with a post-min score of 38.96 compared to a pre-min score of 9.12. The content analysis of the essays also shows an increase in the use of high cohesion for reference repetition, followed by synonymous word repetition, and finally identical word repetition. In conclusion, this study demonstrates the effectiveness of the MMK in enhancing cohesion usage in students' essay writing. The implication is that the MMK is suitable as a guide, teaching aid, and learning resource for secondary school teachers and students.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxiv

### **BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Tujuan Kajian	17
1.5	Objektif Kajian	17
1.6	Soalan Kajian	19
1.7	Batasan Kajian	20
1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Definisi Operasional	25
1.10	Rumusan Bab	29

### **BAB 2 SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	30
2.2	Teori Sandaran Pembelajaran Bahasa	31
2.2.1	Perbandingan Teori Behaviorisme, Kognitif dan Konstruktivisme	31



2.2.2	Teori Pengajaran Kognitif Gagne (1985)	36
2.3	Model Sandaran Proses Penulisan Karangan	42
2.3.1	Teori Penulisan Karangan	43
2.3.2	Model Penulisan Hayes (2012)	46
2.4	Model Sandaran Kohesi	56
2.4.1	Kohesi	56
2.4.2	Model Kohesi Lampau	61
2.4.3	Penggunaan Model Kohesi Halliday & Hassan (1976)	65
2.4.4	Penggunaan Model Tautan Pindaan (MTP) Sanat Md Nasir (2002)	69
2.4.5	Kohesi Jenis Perulangan (Model Tautan Unsur Pengajaran Zamri Salleh & Abdull Shukor, 2009)	73
2.4.6	Kajian Berkaitan Kohesi Perulangan dalam Penulisan Karangan	88
2.5	Model Sandaran Pembangunan Modul	108
2.5.1	Pendekatan Konseptual Kata Kunci	108
2.5.2	Gaya Pembelajaran Visual	112
2.5.3	Model ADDIE	122
2.6	Kerangka Konseptual Kajian	128
2.7	Rumusan Bab Sorotan Literatur	134

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pendahuluan	135
3.2	Reka Bentuk Kajian	135
3.3	Kerangka Kajian	141
3.4	Instrumen Kajian	145
3.4.1	Temu Bual	146
3.4.2	Analisis Dokumen	147
3.4.3	Soal Selidik	148
3.4.4	Ujian Karangan	151

3.5	Persampelan Kajian	153
3.6	Prosedur Kajian	159
3.7	Kesahan	162
3.8	Kebolehpercayaan	169
3.9	Analisis Data	172
3.10	Rumusan Bab Metodologi Kajian	181

#### **BAB 4 REKA BENTUK PEMBANGUNAN MODUL**

4.1	Pendahuluan	182
4.2	Fasa Analisis Keperluan	183
4.2.1	Prosedur Kajian	188
4.2.2	Peserta Kajian	190
4.2.3	Instrumen Kajian	195
4.2.4	Analisis Data	207
4.2.5	Kesimpulan Fasa	215
4.3	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	216
4.3.1	Prosedur Kajian	221
4.3.2	Peserta Kajian	223
4.3.3	Instrumen Kajian	228
4.3.4	Analisis Data	230
4.3.5	Kesimpulan Fasa	240
4.4	Fasa Penilaian	241
4.4.1	Prosedur Kajian	245
4.4.2	Peserta Kajian	248
4.4.3	Instrumen Kajian	250
4.4.4	Analisis Data	253
4.4.5	Kesimpulan Fasa	260

#### **BAB 5 DAPATAN KAJIAN**

5.1	Pendahuluan	261
5.2	Dapatan Fasa Analisis Keperluan	261
5.2.1	Dapatan Temu bual	262

5.2.1.1	Tema Masalah Penulisan Karangan	263
5.2.1.2	Tema Masalah Penggunaan Kohesi Perulangan	280
5.2.1.3	Tema Keperluan Pembangunan Modul	295
5.2.2	Dapatan Analisis Dokumen	302
5.2.2.1	Kekerapan Kohesi Perulangan Sama	303
5.2.2.2	Kekerapan Kohesi Perulangan Sama Maksud	304
5.2.2.3	Kekerapan Kohesi Perulangan Rujukan	310
5.3	Dapatan Reka bentuk dan Pembangunan	325
5.3.1	Dapatan Kesepakatan Pakar Reka Bentuk Modul	326
5.3.1.1	Objektif Pembangunan Modul	326
5.3.1.2	Cakupan Standard Kandungan Modul	328
5.3.1.3	Isi Kandungan Modul	329
5.3.1.4	Reka bentuk Pengajaran Modul	331
5.3.1.5	Pecahan Kohesi Perulangan	332
5.3.1.6	Strategi Penyampaian Latihan	334
5.3.1.7	Kesesuaian Penilaian Latihan Modul	336
5.3.2	Pembangunan Modul	338
5.3.3	Dapatan Kesahan Kandungan Modul	354
5.3.3.1	Kesahan Kandungan Kemudahan	354
5.3.3.2	Kesahan Kandungan Modul	356
5.3.3.3	Kesahan Kandungan Tugas dan Aktiviti	358
5.3.3.4	Kesahan Kandungan Penilaian Modul	361
5.4	Dapatan Fasa Penilaian	364
5.4.1	Dapatan Analisis Pencapaian Penulisan Karangan	365
5.4.1.1	Pencapaian Markah Penulisan Karangan	365
5.4.1.2	Pencapaian Peringkat Penulisan Karangan	370
5.4.1.3	Pencapaian Bilangan Patah Perkataan	375

5.4.2	Dapatan Analisis Kandungan	380
5.4.2.1	Perbezaan Kohesi Perulangan Sama	380
5.4.2.2	Perbezaan Kohesi Perulangan Sama Maksud	382
5.4.2.3	Perbezaan Kohesi Perulangan Rujukan	384
5.4.2.4	Perbandingan Penggunaan Kohesi Perulangan	387
5.5	Rumusan Bab Dapatan Kajian	389

## **BAB 6 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN**

6.1	Pendahuluan	390
6.2	Ringkasan Kajian	390
6.3	Rumusan Dapatan Kajian	397
6.3.1	Rumusan Dapatan: Fasa Analisis Keperluan	397
6.3.2	Rumusan Dapatan: Fasa Reka bentuk dan Pembangunan	400
6.3.3	Rumusan Dapatan: Fasa Penilaian	402
6.4	Perbincangan Dapatan Kajian	406
6.4.1	Perbincangan Dapatan: Fasa Analisis Keperluan	406
6.4.2	Perbincangan Dapatan: Fasa Reka bentuk dan Pembangunan	418
6.4.3	Perbincangan Dapatan: Fasa Penilaian	427
6.5	Kekuatan dan Kelemahan Modul	432
6.6	Implikasi Kajian	434
6.6.1	Implikasi Teoritikal	434
6.6.2	Implikasi Metodologi	436
6.6.3	Implikasi Pedagogi	437
6.7	Cadangan Kajian Lanjutan	440
6.8	Rumusan	442

<b>RUJUKAN</b>		443
----------------	--	-----

<b>LAMPIRAN</b>		478
-----------------	--	-----

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Perbandingan Teori Pembelajaran Bahasa Behaviorisme, Kognitif dan Konstruktivisme	32
2.2 Elemen dan Keterangan Jenis Kohesi Model Kohesi Halliday & Hassan (1976)	65
2.3 Elemen dan Keterangan Jenis Kohesi Model Kohesi MTP Sanat Md Nasir (2002)	69
2.4 Perbandingan Kohesi Jenis Perulangan	74
2.5 Perulangan Kata Sama	75
2.6 Perulangan Sinonim atau Hampir Sinonim	76
2.7 Perulangan Superordinat	76
2.8 Contoh Perulangan Kata Umum	77
2.9 Perulangan Sama dan Contoh	80
2.10 Contoh Petikan Karangan Menggunakan Tautan Perulangan Sama	81
2.11 Contoh Petikan Karangan Menggunakan Tautan Perulangan Sama Maksud	83
2.12 Contoh Petikan Karangan Menggunakan Tautan Perulangan Rujukan	84
2.13 Jurang Kajian Berkaitan Kohesi dalam Penulisan Karangan	107
3.1 Instrumen Kajian dan Aspek dinilai bagi Setiap Fasa	145
3.2 Sampel Kajian dan Aspek yang dinilai bagi Setiap Fasa	154
3.3 Prosedur Kajian Binaan Modul Mahir Kohesi	159
3.4 Kesahan Muka Instrumen Kajian Mengikut Fasa	164
3.5 Kesahan Kandungan Instrumen Kajian Mengikut Fasa	166

3.6	Strategi Kesahan Dalaman dan Kebolehpercayaan	168
3.7	Indeks Kebolehpercayaan Pekali Alpha Cronbach	171
3.8	Analisis Data Mengikut Fasa	172
3.9	Alat dan Fungsi Perisian <i>AntConc</i>	176
4.1	Persoalan Kajian dan Keterangan Soalan Kajian Fasa Analisis Keperluan	184
4.2	Langkah Analisis Keperluan Berdasarkan Model <i>Discrepancy McKillip</i> (1987)	187
4.3	Demografi Peserta Kajian Kaedah Temu Bual	191
4.4	Taburan Ciri Peserta Kajian Temu Bual	193
4.5	Taburan Ciri Peserta Kajian Analisis Dokumen	194
4.6	Protokol Temu Bual Separa Berstruktur Berdasarkan Langkah Model <i>Discrepancy McKillip</i> (1987)	197
4.7	Pakar Kesahan Kandungan dan Bahasa	198
4.8	Cadangan Penambahbaikan Temu Bual	199
4.9	Proses Analisis Dokumen Berdasarkan Langkah Model <i>Discrepancy McKillip</i> (1987)	203
4.10	Jenis Karangan dan Soalan Ujian Penulisan Karangan	205
4.11	Persoalan Kajian dan Keterangan Soalan Kajian Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul	219
4.12	Demografi Responden Kajian Soal Selidik Kesepakatan Pakar	224
4.13	Taburan Ciri Responden Kajian Soal Selidik Kesepakatan Pakar	225
4.14	Demografi Responden Kajian Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul	227
4.15	Skala Pembolehubah Linguistik 7 Mata	233
4.16	Interpretasi Berdasarkan Nilai Threshold (d)	234
4.17	Contoh Interpretasi Data Bagi Peratus Kesepakatan Pakar	235
4.18	Keterangan dan Kiraan I-CVI, S-CVI/Ave dan S-CVI/UA	238

4.19	Pengekodan I-CVI daripada Skala Likert	239
4.20	Nilai CVI Mengikut Bilangan Pakar	239
4.21	Persoalan Kajian dan Keterangan Soalan Kajian Fasa Penilaian Modul	243
4.22	Demografi Sampel Kajian Kumpulan Eksperimen Praeksperimental	248
4.23	Pecahan Sisipan MMK sebagai Intervensi Kumpulan Eksperimen	250
4.24	Cadangan Penskoran Kertas 1 Bahagian B Bahasa Melayu SPM Kod Kertas 1103/1 (Pustaka Yakin Pelajar Sdn. Bhd. Dengan izin Lembaga Peperiksaan, KPM, 2022)	254
4.25	Senarai Kata Kata Kunci Kehendak Soalan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	257
5.1	Perbandingan Kekekapan Perulangan Sama Aspek Kata Kunci Kehendak Soalan dengan Binaan Karangan Jenis Ekspositori dan Argumentasi	303
5.2	Perbandingan Kekekapan Perulangan Sama Maksud Aspek Kata Kunci Kehendak Soalan dengan Binaan Karangan Jenis Ekspositori dan Argumentasi	305
5.3	Perbandingan Kekekapan Perulangan Rujukan Maksud Aspek Kata Kunci Kehendak Soalan dengan Binaan Karangan Jenis Ekspositori dan Argumentasi	311
5.4	Perbandingan Kekekapan Perulangan Rujukan (Perulangan unsur frasa rujukan tunjuk dan bandingan) Aspek Kata Kunci Kehendak Soalan dengan Binaan Karangan Jenis Ekspositori dan Argumentasi	318
5.5	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratus Kesepakatan Pakar Konstruk Objektif Pembangunan Modul Pembelajaran	327
5.6	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratus Kesepakatan Pakar Konstruk Cakupan Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP) dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan Empat (September 2018)	328
5.7	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratus Kesepakatan Pakar Konstruk Isi Kandungan Modul (Tema, Unit dan Tajuk Aktiviti)	330
5.8	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratus Kesepakatan Pakar Konstruk Reka Bentuk Pengajaran Modul	331

5.9	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratus Kesepakatan Pakar Konstruk Pecahan Kohesi Perulangan	333
5.10	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratus Kesepakatan Pakar Konstruk Strategi Penyampaian Latihan	335
5.11	Nilai <i>Threshold</i> dan Peratus Kesepakatan Pakar Konstruk Kesesuaian Penilaian Latihan Modul	337
5.12	Skor Tahap Persetujuan, Peratus Kesahan Kandungan dan Indeks Kesahan Kandungan (CVI) Konstruk Kemudahan Modul	354
5.13	Skor Tahap Persetujuan, Peratus Kesahan Kandungan dan Indeks Kesahan Kandungan (CVI) Konstruk Kandungan Modul	356
5.14	Skor Tahap Persetujuan, Peratus Kesahan Kandungan dan Indeks Kesahan Kandungan (CVI) Konstruk Tugas serta Aktiviti Pembelajaran	358
5.15	Skor Tahap Persetujuan, Peratus Kesahan Kandungan dan Indeks Kesahan Kandungan (CVI) Konstruk Penilaian Modul	361
5.16	Komen dan Cadangan Penambahbaikan Pakar Kesahan Kandungan Modul	362
5.17	Markah Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	366
5.18	Perbezaan Pencapaian Min Markah Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pacaujian	367
5.19	Peringkat Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	370
5.20	Perbezaan Pencapaian Min Peringkat Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pacaujian	372
5.21	Peringkat Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen dalam Praujian	372
5.22	Peringkat Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen dalam Pascaujian	373
5.23	Bilangan Patah Perkataan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	376
5.24	Perbezaan Pencapaian Bilangan Patah Perkataan Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pacaujian	377



5.25	Kekerapan Penggunaan Kohesi Perulangan Sama Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	381
5.26	Kekerapan Penggunaan Kohesi Perulangan Sama Maksud Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	383
5.27	Kekerapan Penggunaan Kohesi Perulangan Rujukan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	385

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
2.1 Sembilan Langkah Pengajaran Gagne (1985) diubahsuai (Khadjooi et al, 2011, Wen Lin Loa & Ming Chen Hsieh, 2020 dan Shahid Hassan & Hasnain Baloch, 2020)	38
2.2 Model Penulisan Hayes (Hayes, 2012)	38
2.3 Penambahbaikan Model Penulisan Hayes (Hayes, 2012)	51
2.4 Ciri-ciri Wacana diadaptasi daripada Basuki Rachmat Sinaga et al (2019) dan Idris Aman (2020)	57
2.5 Model Kohesi Lampau	61
2.6 Hubungan Model Kohesi antara Model Halliday & Hassan (1976), MTP Sanat Nasir (2002) dan MTUP Zamri Salleh & Abdull Shukor (2009)	85
2.7 Proses Pemilihan Kajian Terdahulu	89
2.8 Model VARK ( <i>Visual, Aural, Read/Write</i> dan <i>Kinesthetic</i> ) (Fleming, N. D., 2001)	114
2.9 Peringkat Reka Bentuk Pembangunan Model ADDIE	125
2.10 Kerangka Konseptual Pembangunan Modul Mahir Kohesi dalam Penulisan Karangan Murid Tingkatan Empat	133
3.1 Reka bentuk Kajian Modul Mahir Kohesi mengikut Reka Bentuk dan Pembangunan Richey & Klein (2007) serta Model ADDIE	138
3.2 Reka bentuk kajian binaan Modul Mahir Kohesi	144
3.3 Analisis Data Secara Interaktif oleh Miles dan Huberman (1994)	173
4.1 Carta Alir Proses Analisis Keperluan	185
4.2 Prosedur Kutipan Data Fasa Analisis Keperluan	188
4.3 Triangulasi Sumber Data Fasa Analisis Keperluan	189
4.4 Proses Pengambilan Peserta Kajian Temu bual Separa Berstruktur	202

4.5	Proses Pengkodan Terbuka ( <i>Open Coding</i> ) Menggunakan Perisian Atlas.ti 9.	208
4.6	Penghasilan Kod Proses Pengkodan Terbuka ( <i>Open Coding</i> ) kepada Proses Axial Coding Menggunakan Perisian Atlas.ti 9.	209
4.7	Subkategori bagi Kategori Jenis Masalah dalam Proses Pengkodan <i>Axial</i> Menggunakan Perisian Atlas.ti 9.	210
4.8	Paparan Proses Pengkodan Terpilih ( <i>Selective Coding</i> ) bagi Menghasilkan Tema Menggunakan Perisian Atlas.ti 9.	211
4.9	Paparan Proses Muat Naik Dokumen Penulisan Karangan Murid	213
4.10	Paparan Proses Hasil Carian Kekerapan Kata ( <i>Wordlist</i> ) Karangan Jenis Argumentasi dan Ekspositori Menggunakan Perisian Atlas.ti 9.	214
4.11	Carta Alir Proses Reka Bentuk dan Pembangunan	217
4.12	Proses Reka bentuk dan Pembangunan Modul	220
4.13	Prosedur Kutipan Data Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan Modul	222
4.14	Graf Segi Tiga Min Melawan Nilai <i>Triangular</i> (Mohd Ridhuan & Nurul Rabihah, 2020)	231
4.15	Carta Alir Analisis Data Kaedah <i>Fuzzy Delphi Method</i> (FDM)	232
4.16	Kedudukan Nilai $\alpha$ – <i>cut</i> dalam Penomboran <i>Fuzzy</i>	236
4.17	Templat <i>Fuzzy Delphi Method</i> versi 2.0 (Mohd Ridhuan dan Nurul Rabihah, 2020)	236
4.18	Carta Alir Proses Fasa Penilaian Keberkesanan	242
4.19	Proses Penilaian Keberkesanan Modul	245
4.20	Prosedur Kutipan Data Fasa Penilaian	247
4.21	Soalan Ujian Karangan Bahagian B Kumpulan Eksperimen Praujian Pasca	252
4.22	Kata kunci dalam Kehendak Soalan Ujian Karangan Praujian dan Pascaujian Kumpulan Eksperimen	257
4.23	Pengisian Kata Kunci “Faedah” bagi Kohesi Perulangan Sama Kumpulan Eksperimen Praujian	259

5.1	Paparan Network Masalah Penulisan Karangan Menggunakan Perisian Atlas.ti 9	263
5.2	Masalah Penulisan Karangan Dalam Kalangan Murid Di Sekolah	264
5.3	Paparan Network Masalah Kohesi Perulangan Menggunakan Perisian Atlas.ti 9	280
5.4	Masalah Penggunaan Kohesi Perulangan dalam Penulisan Karangan Murid	281
5.5	Paparan Network Keperluan Pembangunan Modul Kohesi Perulangan Menggunakan Perisian Atlas.ti 9	295
5.6	Keperluan Pembangunan Modul Kohesi Perulangan	296
5.7	Paparan Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Lakukan (Melakukan)</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Ekspositori	300
5.8	Paparan Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Cara</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Ekspositori	306
5.9	Paparan Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Kepentingan</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Argumentasi	308
5.10	Paparan Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Dipupuk (Memupuk)</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Argumentasi	309
5.11	Paparan Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Masyarakat</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Argumentasi	310
5.12	Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Anda</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Ekspositori	312
5.13	Kekerapan Kata Perulangan Rujukan Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Cara</i> Berdasarkan <i>Cluster (Search Query_Words)</i> Karangan Jenis Ekspositori	313
5.14	Kekerapan Kata Perulangan Rujukan Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Amalan</i> Berdasarkan <i>Cluster (Search Query_Words)</i> Karangan Jenis Ekspositori	314

5.15	Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Masyarakat</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Argumentasi	315
5.16	Kekerapan Kata Perulangan Sama Maksud Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Negara</i> Berdasarkan <i>Wordlist</i> Karangan Jenis Argumentasi	316
5.17	Kekerapan Frasa Perulangan Rujukan Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Negara</i> Berdasarkan <i>Cluster (Search Query_Words)</i> Karangan Jenis Argumentasi	316
5.18	Kekerapan Kata Perulangan Rujukan Kata Asal Kehendak Soalan Perkataan <i>Amalan</i> Berdasarkan <i>Cluster (Search Query_Words)</i> Karangan Jenis Argumentasi	317
5.19	Kekerapan Perulangan Frasa Rujukan Berdasarkan <i>Cluster (Search Query_Words)</i> Karangan Jenis Ekspositori	319
5.20	Kekerapan Perulangan Frasa Rujukan Berdasarkan <i>Cluster (Search Query_Words)</i> Karangan Jenis Argumentasi	320
5.21	Graf Perbandingan Kekerapan Kohesi Perulangan Sama, Sama Maksud serta Rujukan dalam Karangan Ekspositori dan Argumentasi	321
5.22	Muka Hadapan MMK	338
5.23	Senarai Kandungan MMK	339
5.24	Pendahuluan MMK	340
5.25	Objektif Guru dan Murid MMK	341
5.26	Konsep Asas Kohesi Perulangan MMK	342
5.27	Carta Alir Pembangunan MMK Bahagian A (Panduan Penggunaan Modul)	343
5.28	Carta Alir Pembangunan MMK Bahagian B (Latihan Berpandu Kohesi Perulangan)	346
5.29	Carta Alir Pembangunan Modul (Bahagian C Latihan Kendiri)	349
5.30	Penilaian Latihan Kendiri (Penskoran Mengikut TP dan SPM)	353
5.31	Penambahbaikan MMK	364
5.32	Serakan Taburan Markah Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen dalam Praujian	368

5.33	Serakan Taburan Markah Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen dalam Pascaujian	369
5.34	Perbandingan Peringkat Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	374
5.35	Perbandingan Bilangan Patah Perkataan Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	378
5.36	Perbandingan Kekerapan Kohesi Perulangan dalam Penulisan Karangan Kumpulan Eksperimen Praujian dan Pascaujian	388
6.1	Kerangka Penulisan Karangan Berkohesi Konsep Kesepaduan Idea	434

## SENARAI SINGKATAN

ADDIE	<i>Analysis, Design, Development, Implementation, Evaluation</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BM	Bahasa Melayu
CAQDAS	<i>Computer Aided Qualitative Data Analysis</i>
CRTs	<i>Consciousness-Raising</i>
CVI	<i>Content Validation Index</i>
DDR	<i>Design Development Research</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EAP	<i>English for Academic Purposes</i>
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i>
FFL	<i>France Foreign Language</i>
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
IAB	Institut Aminudin Baki
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KNK	Kohesi Nahan Konjungsi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KSSM	Kurikulum Standard Bahasa Melayu
KWIC	<i>Keyword in Context</i>
LAK	Laporan Analisis Keputusan
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia

LKMPBMK1	Laporan Kupasan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1
MMK	Modul Mahir Kohesi
MTP	Model Tautan Pindaan
MPUT	Model Pengajaran Unsur Tautan
PE	Praeksperimental
PM	Penguasaan Minimum
RMIC	Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
SK	Standard Kandungan
SLR	Sorotan Literatur Bersistematik
SP	Standard Pembelajaran
SOP	<i>Standard Operating Procedure</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
TMTPM	Tidak Mencapai Tahap Penguasaan Minimum
TP	Tahap Penguasaan
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
VAK	<i>Visual, Aural dan Kinesthetic</i>
VARK	<i>Visual, Aural, Read/Write dan Kinesthetic</i>
WP	Wilayah Persekutuan



## SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Etika
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian UPSI
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian EPRD
- D Surat Kebenaran Menjalankan Kajian JPN
- E Surat Akuan Perlindungan Data
- F Helaian Maklumat Panel Pakar
- G Helaian Maklumat Sekolah
- H Borang Protokol Temu Bual Separa Berstruktur (Fasa Analisis Keperluan)
- I Soalan Ujian Karangan (Fasa Analisis Keperluan)
- J Soal Selidik Reka Bentuk Modul (Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan)
- K Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul (Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan)
- L Soalan Ujian Karangan Praujian dan Pascaujian (Penilaian)
- M Keckerapan Data Kohesi Perulangan
- N Kesepakatan Pakar FDM
- O Pencapaian Penulisan Karangan SPSS

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Menulis merupakan salah satu kemahiran asas yang digunakan dan dipupuk dalam mendidik murid serta berperanan penting dalam proses penghasilan bahasa (Graham et al. 2013; Fareed et al., 2016; Erkan Cer, 2019 & Rostanti Toba et al., 2019). Oleh itu, kemahiran menulis ialah asas atau dasar yang utama kemahiran berbahasa dalam pengajaran dan pembelajaran selain membaca dan bertutur. Harapan kemahiran ini dalam bidang akademik ialah murid dapat menggabungkan idea untuk membina maklumat baharu dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti (Yunus et al., 2019 dan Audi Yundayani et al., 2020). Perkara ini sejajar dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) (2019), iaitu, keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui merupakan kriteria dalam kemahiran menulis.

Walaupun bagaimanapun, terdapat permasalahan dalam penulisan karangan yang dihasilkan oleh murid terutamanya dalam aspek kohesi. Menurut Gatcho & Ramos (2020) melalui 211 kajian mengenai penulisan pelbagai bidang, didapati masalah utama menulis ialah kurang penjelasan dan contoh, iaitu, 27.01 peratus, idea yang kabur 20.85 peratus dan ayat atau idea kurang kohesi, iaitu, 19.91 peratus. Dalam aspek kohesi permasalahan ini berlaku kerana penyatuan kata, frasa dan ayat kurang digunakan dan pemilihan alat kohesi yang kurang tepat. Melalui kajian lalu yang dilakukan oleh Yates dan Kenkel (2002), Ahmed (2010), Ariyanti & Fitriana (2017) dan Belkhir & Benyelles (2017) turut menyentuh berkenaan penggunaan kohesi yang kurang tepat sebagai salah satu masalah penulisan karangan dalam kalangan murid.

Sehubungan itu, kepelbagaian teknik, strategi, kaedah dan pendekatan diperlukan dalam mengatasi masalah kohesi untuk meningkatkan mutu penulisan karangan dalam kalangan murid. Perkara ini turut diperkatakan oleh Deane et al. (2008) & Erkan Cer (2019), iaitu, penulisan karangan berkohesi dapat ditingkatkan kualiti melalui kemahiran dan amalan oleh guru berasaskan teknik dan strategi yang berterusan. Hal ini demikian kerana tanpa ayat yang berkohesi, pembaca akan berasa seolah-olah mereka membaca senarai panjang yang tiada kaitan idea (Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria, 2015 dan Masadeh, 2019). Oleh itu, masalah penulisan karangan yang tidak mempunyai tautan atau kohesi haruslah diberikan perhatian sebaik mungkin dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pertautan atau kohesi yang diberikan perhatian ini sangat penting untuk menghasilkan karangan yang mempunyai kualiti terutamanya dalam aspek kesinambungan idea antara frasa dan ayat. Oleh itu, penghasilan karangan yang berkualiti sangat penting dalam kalangan murid tingkatan empat sebagai persediaan dalam menjawab Kertas Bahasa Melayu Bahagian A, Kod Kertas 1103/1 Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Persediaan ini penting dalam meningkatkan pengetahuan tentang sesuatu topik yang perlu dikuasai (Herlanti et al., 2017) dan mengurangkan tekanan akibat peperiksaan (Ossai et al., 2014 dan Jiménez & Vera, 2018). Perkara ini penting agar murid tingkatan empat mampu mencapai skor peringkat cemerlang dalam penulisan karangan yang menekankan kepada wacana yang lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan (LPM, 2020a).

Seterusnya, kemahiran menulis berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) (KPM, 2018) tingkatan 4 Kurikulum Standard Bahasa Melayu (KSSM) Bahasa Melayu seperti berikut:

*Kemahiran menulis merujuk kepada keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan kepada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.*

(KPM, 2018)

Melalui pernyataan ini, proses melahirkan idea dilihat perkara utama dalam meningkatkan keupayaan kemahiran menulis murid. Perkara ini turut dinyatakan oleh Winda Mayasari et al. (2019), iaitu, proses melahirkan idea sangat penting dan murid yang

dapat menyusunnya dengan baik dapat meningkatkan kemahiran menulis. Hal ini turut diperkatakan oleh Tengku Nur Liyana et al. (2019), iaitu, murid yang dapat menggunakan idea dan mengembangkan ayat dengan baik ketika menulis dapat meningkatkan kemampuan berbahasa mereka.

Terdapat tiga objektif KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 (KPM, 2018) berkaitan kemahiran menulis, iaitu, objektif ke-9; Menulis untuk meramal sesuatu perkara, melengkapkan maklumat dan menjawab pelbagai soalan dengan menggunakan ayat yang gramatis, objektif ke-10; Menulis untuk membina kerangka karangan dan karangan lengkap secara terancang dan objektif ke-11; Menulis untuk mengolah maklumat daripada pelbagai bahan menggunakan ayat yang gramatis dan penanda wacana yang sesuai.

Objektif ke-10, iaitu; Menulis untuk membina kerangka karangan dan karangan lengkap secara terancang, bertepatan dengan kajian ini yang selari dengan pemilihan Standard Kandungan (SK) 3.4, iaitu; Menulis untuk menghasilkan sesuatu penulisan secara terancang. SK ialah pernyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai (KPM, 2018). Penulisan secara terancang sangat penting dalam menghasilkan sebuah karangan yang baik dan berkualiti. Perkara ini turut dinyatakan oleh Clerehan & Moodie (1997), iaitu, penulisan yang terancang membantu menghasilkan penulisan yang baik dan mengurangkan masalah semakan oleh guru. Ramli Yaacob (2017) turut menyatakan bahawa pengajaran karangan secara terancang melalui alat bantu akan meningkatkan mutu karangan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa proses menulis melalui alat bantu seperti kerangka karangan akan menghasilkan penulisan karangan yang lebih terancang dan berkesan.

Seterusnya, Standard Pembelajaran (SP) 3.4.5, iaitu; Menulis untuk menghasilkan karangan dengan wacana yang lengkap, bahasa yang gramatis dan ungkapan yang menarik sangat penting dalam meningkatkan kualiti karangan yang dihasilkan. SP ialah suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan (KPM, 2018). Salah satu indikator karangan berkualiti ialah wacana yang lengkap kerana wacana ialah kesatuan bahasa terlengkap, tertinggi atau terbesar merujuk kepada kalimat atau klausa mempunyai kohesi dan koheran yang berkesinambungan, iaitu, mempunyai awal dan akhir yang nyata disampaikan secara lisan atau bertulis (Moeliono dan Soenjono, 1988 & Tagiran H. G. 1995). Menurut Halliday & Hassan (1976), Sanat Md. Nasir (2002) dan Idris Aman (2020) kohesi merupakan antara elemen penting dalam sesebuah wacana untuk menunjukkan pertalian antara ayat dalam sesebuah penulisan.

Oleh itu, aspek wacana yang lengkap sangat penting dalam menghasilkan karangan berkualiti melalui elemen kohesi yang terdapat di dalamnya untuk membantu binaan ayat yang saling bertautan antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana kehadiran kohesi dalam penulisan amat penting dan memberikan impak yang besar terhadap mutu penulisan menjadi lebih baik dan bermakna dengan wujudnya perkaitan ayat demi ayat (Ramli Yaacob, 2017; Yuliani Trisnaningrum et al., 2019 dan Vargas et al., 2020). Perkara ini turut dinyatakan oleh Zamri Salleh dan Abdull Sukor Shaari (2009) dan Masadeh (2019), iaitu, elemen kohesi dalam penulisan karangan sangat penting dan perlu dititikberatkan dalam pengajaran guru di sekolah untuk memastikan setiap ayat dalam penulisan murid mempunyai kesinambungan antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, melalui Laporan Kupasan Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kertas 1 (LKMPBMK1) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Kod Kertas 1103/1 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) mendapati sebahagian besar kelemahan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam menulis karangan Bahasa Melayu adalah tidak dapat menghasilkan ayat yang mempunyai kohesi antara satu ayat dengan satu ayat yang lain (LPM, 2020a). Buktinya, LKMPBMK1 pada tahun 2013 hingga 2017, merumuskan bahawa masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea yang berkesinambungan dengan baik dan berkesan (LPM, 2020a). LKMPBMK1 tidak dikeluarkan oleh pihak LPM bagi tahun 2018 hingga 2020, sebaliknya Laporan Analisis Keputusan (LAK) dijadikan rujukan prestasi keputusan keseluruhan mata pelajaran dalam peperiksaan SPM.

Berdasarkan LAK bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) tahun 2018 (4.19), 2019 (4.07) dan 2020 (4.20) (LPM, 2020b). Menurut Hanita Mohd Yusoff & Norzaini Azman (2018) nilai GPMP yang lebih kecil menunjukkan prestasi yang lebih baik dalam sesuatu mata pelajaran. Oleh itu, berdasarkan LAK GPMP mata pelajaran Bahasa Melayu tahun 2019 lebih kecil dari tahun 2018 dengan perbezaan 0.12 yang menunjukkan terdapat peningkatan prestasi baik calon. Namun, LAK GPMP mata pelajaran Bahasa Melayu tahun 2020 lebih besar dari tahun 2019 dengan perbezaan 0.13 yang menunjukkan prestasi menurun dalam kalangan calon. Punca kemerosotan murid dalam pencapaian akademik seperti ketidakselarasan strategi, pendekatan dan teknik pengajaran guru yang kurang berkesan serta efektif terhadap murid (Ridzuan Ismail, 2002; Muhd Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop, 2018 dan Januard et al., 2019).

Salah satu aspek yang perlu dimasukkan dalam pengajaran karangan ialah elemen kohesi agar wujudnya pertautan antara ayat sekali gus mewujudkan wacana yang lengkap seperti yang diperkatakan oleh Yuliani Trisnaningrum et al. (2019), iaitu, kohesi merupakan satu alat dalam karangan untuk meningkatkan kualiti wacana dalam penulisan. Hal ini demikian kerana penulisan karangan menyumbang markah paling banyak dalam peperiksaan Bahasa Melayu SPM seperti yang dinyatakan oleh Nurmasitah Mat Hassan (2016) dan Ramli Yaacob (2017), iaitu, penguasaan penulisan karangan yang baik membantu penskoran markah peperiksaan lebih baik. Elemen kohesi ini turut dinyatakan dalam rumusan LKMPBMK1 tahun 2013 hingga 2017 pada bahagian saranan kepada guru, iaitu, penekanan aspek kohesi dalam isi karangan perlu dibudayakan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran agar murid dapat menguasai teknik penulisan karangan dengan betul (LPM, 2020a).

Oleh itu, pengajaran kohesi haruslah dijalankan secara terancang kerana kegagalan murid menulis secara berkohesi dalam penulisan karangan disebabkan guru kurang cekap mengajar kohesi dan menekankan aspek ini ketika mengajar (Seken & Suanajaya, 2013 dan Masadeh, 2019). Sehubungan itu, penyelidik cuba melihat elemen ini sebagai sebahagian yang dapat dimasukkan dalam bahan bantu mengajar (BBM) murid. Hal ini demikian kerana BBM dapat memastikan murid bukan sahaja memahami isi pelajaran yang disampaikan, malah penggunaannya juga dapat membantu proses pembelajaran yang berkesan (Mohd Suhaimi Omar et al., 2017; Muhd Haron Husaini, 2018 dan Sugiman et al., 2020).



Terdapat banyak jenis BBM yang dapat dibangunkan seperti menurut Giaquinto (2007), Kafyulilo (2014) dan Shwan Alshatri et al. (2019) yang membahagikan BBM kepada tiga, iaitu, visual (seperti gambar dan papan putih), peralatan audio (seperti radio dan mikrofon) dan audio visual (seperti poster dan video). Seterusnya, menurut Mustafa et al. (2021), terdapat banyak BBM yang dapat diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dalam membantu meningkatkan pemahaman murid seperti modul dan buku teks. Dalam kajian ini, penyelidik memilih BBM modul sebagai medium untuk membina alat pengajaran dan pembelajaran yang menerapkan elemen kohesi sebagai salah satu aspek dalam meningkatkan kualiti wacana dalam penulisan karangan.

Justifikasinya, masalah kekurangan modul yang merupakan salah satu alat BBM penting sebagai panduan bagi guru terutamanya mereka yang tidak berpeluang mengikuti kursus atau bengkel yang mungkin merencatkan usaha penerapan sesuatu perkaedahan dalam pengajaran dan pembelajaran (James, 2017 dan Mohd Nazri Hassan et al., 2017). Perkara ini jelas menunjukkan pentingnya penggunaan modul dalam memberikan panduan kepada guru dan aspek ini perlu diberikan penekanan untuk memastikan murid dapat meningkatkan kualiti pembelajaran. Hal ini demikian kerana pengabaian terhadap BBM seperti modul didapati menjejaskan penglibatan intelektual murid dalam pembelajaran, kualiti latihan dan tugas yang diberikan kepada mereka (Yahya Othman, 2005; Baharuddin Jabar, 2006 dan Alberto Yazon, 2018).

Oleh itu, kajian ini memfokuskan penghasilan BBM kepada guru sebagai panduan dalam mengajar kohesi secara terancang dan sistematik dalam penulisan karangan. BBM yang dipilih ialah modul kerana penggunaannya dapat menjadikan pengajaran tersusun mengikut objektif yang dirancang. Perkara ini turut diperkatakan oleh Rusell (1974) dan

Ramli Yaacob (2017), iaitu, penggunaan modul yang terancang dan sistematik dapat membantu guru mengajar sesuatu tajuk melalui pelbagai aktiviti tersusun untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Masalah penulisan karangan yang tidak mempunyai kohesi haruslah diberikan penekanan sebaik mungkin untuk menghasilkan karangan berkualiti kerana aspeknya dalam binaan ayat sebagai salah satu ciri wacana dalam mewujudkan kesinambungan antara ayat dan perenggan tidak boleh dikesampingkan. Hal ini demikian kerana masalah kohesi dalam penulisan karangan masih lagi menjadi isu dalam kalangan penyelidik lalu yang menunjukkan terdapat permasalahan penggunaan kohesi terutamanya dalam kalangan murid. Antaranya, masalah kohesi dalam penulisan karangan dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Ramli Yaacob (2017) yang bertujuan untuk melihat kesan pengajaran Kohesi Nahuan Konjungsi (KNK) secara terancang terhadap tahap pencapaian penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid tingkatan empat. Kohesi nahuan konjungsi atau kata sambung merupakan bentuk atau satuan kebahasaan yang berfungsi untuk menyambung, merangkai atau menghubungkan kata dengan kata, frasa dengan frasa, klausa dengan klausa atau ayat dengan ayat (Halliday & Hassan, 1976; Cook, 1989; Sanat Md Nasir, 2002 dan Asep Muhyidin, 2018).

Sampel kajian ini melibatkan 30 murid kumpulan kawalan serta 31 murid kumpulan rawatan dan 61 karangan dianalisis untuk melihat kekerapan penggunaan KNK dalam praujian dan pascaujian. Penggunaan KNK pada awalnya homogenus bagi kedua-dua kumpulan, iaitu, sebanyak 1081 KNK dan 1144 KNK berbanding 1263 KNK dan 1528 KNK

dengan perbezaan 182 KNK serta 384 KNK. Perkara ini jelas menunjukkan penggunaan KNK yang merupakan sebahagian daripada elemen kohesi masih lemah dalam kalangan murid namun penyelidik berpandangan KNK bukan pengujian penguasaan sebenar elemen kohesi kerana proses pertautan antara ayat tidak mendalam. Perkara ini turut dinyatakan oleh Ahmad Mohseni & Sedigheh Samadian (2019), iaitu, penggunaan kohesi melalui konjungsi bukan pengujian sebenar kerana tidak melibatkan proses menggabungkan ayat secara bertaut dengan lebih mendalam seperti kohesi perulangan. Walau bagaimanapun, kajian ini dirujuk bagi membuktikan bahawa terdapat masalah penggunaan kohesi dalam penulisan karangan murid seperti yang diperkatakan oleh Ahmed (2010) dan Maisoun (2017), iaitu, masalah kohesi paling ketara dalam menulis sesebuah karangan yang mempunyai pertautan untuk mewujudkan koheran.

Masalah kohesi penulisan karangan juga dijelaskan dalam kajian yang dijalankan oleh Masadeh (2019) bertajuk "*Cohesion and Coherence in the Writings of Saudi Undergraduates Majoring in English*". Merujuk aspek kohesi, kajian ini bertujuan membuktikan perlunya kewujudan kohesi dalam menghasilkan penulisan karangan berkualiti. Hal ini demikian kerana menurut Pilus (1996) dan Crossley & McNamara (2010), kualiti karangan semakin berkurangan kerana masalah serius yang dihadapi oleh murid ketika menulis terutamanya dalam aspek kohesi merujuk pertautan antara ayat dengan ayat. Dalam kajian ini, pencapaian skor min 16 karangan pelajar sarjana cemerlang di Universiti Najran telah diukur dan skor min ialah  $M=2.17$ . Melalui skor ini, beliau menjelaskan bahawa penggunaan kohesi gramatikal dan leksikal sampel tidak begitu baik dan keupayaan menggunakan kohesi masih lemah.

Buktinya, skor purata kohesi gramatikal jenis elipsis atau penggantian merupakan kohesi yang paling bermasalah, iaitu,  $M=1.31$  dan kohesi jenis konjungsi merupakan kohesi yang paling baik digunakan, iaitu,  $M=2.13$ . Seterusnya, skor purata kohesi leksikal jenis perulangan agak baik, iaitu,  $M=3.25$  dan menunjukkan penggunaan kohesi yang baik daripada kohesi gramatikal. Walau bagaimanapun, beliau berpandangan kohesi perulangan masih perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih baik kerana pencapaian ini kurang baik dan menjejaskan skor purata binaan ayat yang berkoheran. Perkara ini dibuktikan dalam kajian ini, iaitu, skor min pencapaian tahap sederhana dalam aspek koheran penulisan karangan sampel kajian, iaitu,  $M=2.80$ . Menurut Moidunny (2009) dan Raamani Thannimalai & Arumugam Raman (2018), skor min antara 2.61-3.20 menunjukkan tahap pencapaian sampel kajian yang sederhana dan skor min 4.21-5.00 ialah tahap paling tinggi. Melalui kajian ini, jelas menunjukkan terdapat masalah kohesi dalam penulisan karangan dilihat dalam aspek kohesi gramatikal dan kohesi leksikal.

Kohesi jenis perulangan merupakan salah satu kohesi yang tergolong dalam kohesi leksikal selain daripada kohesi jenis kolokasi (Halliday & Hassan, 1976 & Idris Aman, 2020). Namun, kohesi jenis perulangan dinyatakan secara langsung oleh Sanat Md. Nasir (2002) dan Zamri Salleh & Abdull Shukor Shaari (2009) dalam kajian mereka tanpa membahagikannya kepada kohesi jenis gramatikal atau kohesi leksikal. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melihat kepada dikotomi kohesi jenis perulangan sebaliknya untuk melihat penggunaannya dalam pengajaran penulisan karangan. Secara umumnya, kohesi jenis perulangan terbahagi kepada perulangan kata sama, perulangan sinonim atau hampir sinonim, perulangan superordinat dan perulangan kata umum (Halliday Hassan, 1976; Connor, 1996 dan Idris Aman, 2020).

Masalah kohesi jenis perulangan dalam penulisan karangan dijelaskan dalam kajian yang dilakukan oleh Andi Tenri Ampa & Muhammad Basri (2019) bertajuk "*Lexical and Grammatical Cohesions in the Students' Essay Writing as the English Productive Skills*". Dari aspek kohesi jenis perulangan, kajian ini melihat kekerapan penggunaan kohesi jenis ini dalam 91 karangan sampel kajian. Kekerapan penggunaan kohesi jenis perulangan ialah pengulangan umum 200 kali (16.34 peratus), sinonim 187 kali (15.28 peratus), hiponim 168 kali (13.72 peratus), antonim 140 kali (11.44 peratus), kata nama am 229 kali (18.71 peratus) dan meronim 90 kali (7.35 peratus). Melalui data ini pengulangan kata nama am dan pengulangan umum merupakan kohesi jenis pengulangan paling banyak digunakan dan meronim paling sedikit penggunaannya untuk menautkan ayat. Perkara ini bertepatan dengan pendapat oleh Hublová (2017), iaitu, kohesi leksikal terutamanya perulangan memainkan peranan penting dalam penulisan karangan dalam menunjukkan wujudnya pertautan ayat demi ayat.

Mereka juga mencadangkan bahawa penggunaan kohesi jenis perulangan ini haruslah digunakan secara meluas dalam penulisan karangan murid. Walaupun terdapat isu pengulangan kata nama yang akan membosankan pembaca namun kohesi jenis ini menyediakan pelbagai alat untuk mengelakkannya. Perkara ini turut dinyatakan oleh Zamri Salleh & Abdull Shukor Shaari (2009) dan Fatimah & Yunus (2014), iaitu, pengulangan perkataan yang sama akan menyebabkan kebosanan namun perkara ini dapat diatasi melalui penggunaan sinonim dan antonim yang terdapat dalam kohesi jenis perulangan. Oleh itu, kohesi jenis perulangan perlulah dimantapkan dalam penulisan karangan murid agar mereka mengetahui proses ini dengan lebih baik untuk meningkatkan mutu karangan. Perkara ini turut dinyatakan oleh Veda Aslım Yetiş (2017),

iaitu, murid yang mengetahui peraturan kohesi akan menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti.

Kohesi perulangan dalam penulisan juga dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Amaechi Uneke Enyi dan Edwin Chiekpezie Orji (2019) bertajuk "*Lexical Cohesion in Non-fictional Narrative as Discourse: A Study of Ngugi Wa Thiong'O's Decolonizing the Mind*". Kajian ini telah melihat penggunaan kohesi leksikal jenis perulangan dalam 29 petikan sebuah karya autobiografi, iaitu, *Ngugi Wa Thiong'O Decolonising the Mind*. Kekerapan penggunaan kohesi perulangan yang diperoleh ialah pengulangan sinonim hampir 13 kali, perulangan umum 8 kali sebagai penekanan, antonim 4 kali, superordinat atau hiponim 2 kali dan pelengkap serta kata nama 1 kali. Penggunaan kohesi perulangan dalam penulisan ini berkesan menautkan ayat demi ayat dan telah berjaya menyampaikan mesej dengan jelas kepada pembaca (Klarer, 1999 & Gutkind, 2012). Oleh itu, Amaechi Uneke Enyi dan Edwin Chiekpezie Orji (2019) mencadangkan agar penggunaan kohesi perulangan digunakan dalam pengajaran penulisan kerana terdapat pelbagai alat dalam kohesi jenis ini yang berbeza untuk meningkatkan mutu karangan murid.

Walau bagaimanapun, penyelidik mendapati terdapat kelompongan dalam kajian kohesi penulisan terdahulu seperti kajian dalam negara yang dirujuk, iaitu, Nurmasitah Mat Hassan & Jama'yah Zakaria (2015), Nurmasitah Mat Hassan (2016), Ramli Yaacob (2017) dan Norfaizah Abdul Jobar (2019). Kajian luar negara yang dirujuk ialah Crossley et al. (2016), Veda Aslim Yetiş (2017), Masadeh (2019), Basuki Rachmat Sinaga et al. (2019), Yuliani Trisnaningrum et al. (2019), Amaechi Uneke Enyi & Edwin Chiekpezie Orji (2019), Stambouli & Belmekki (2019) dan Vargas et al. (2020). Kelompongan ini kerana kohesi tidak dimulakan dengan mengambil kira kata kunci soalan sebagai asas dalam

membuat pertautan antara ayat dengan ayat dalam menghasilkan penulisan karangan yang berkualiti dalam kajian lalu.

Hal ini demikian kerana untuk memulakan proses menulis karangan seseorang penulis haruslah merujuk kata kunci dalam soalan atau pemikiran sebagai stimulus kepada penulisan yang akan dihasilkan. Menurut Mu-hsuan (2012), rujukan terhadap kata kunci penting sebagai panduan meningkatkan proses penulisan yang berkualiti dan rumusan kajian yang beliau jalankan menunjukkan kata kunci membantu meningkatkan penguasaan menulis rumusan murid. Perkara ini turut dinyatakan dalam kajian linguistik oleh Arujo et al. (2019) dan Youcheng Pan et al. (2020), iaitu, rujukan terhadap kata kunci penting sebagai stimulus dalam proses pengembangan isi dalam teks yang dihasilkan untuk menghasilkan penulisan berkualiti. Dalam konteks pengajaran penulisan karangan di sekolah perkara ini turut dinyatakan oleh pihak LPM (2020a) dalam Laporan Kupasan Mata Pelajaran Bahasa Melayu SPM Kertas 1, Bahagian A kod kertas 1103/1 dalam saranan kepada calon syarat ke-8:

*Sebelum menjawab soalan calon perlu mengetahui bahawa setiap soalan mengandungi dua bahagian, iaitu, stimulus dan tugas soalan. Seterusnya calon perlu membaca setiap soalan, kemudian membuat pilihan soalan yang hendak dijawab, menganalisis kehendak soalan, membina rangka karangan dan akhirnya menulis karangan yang dipilih.*

(LPM, 2020a)

Melalui pernyataan ini, jelas menunjukkan penekanan kepada stimulus atau rangsangan merupakan perkara yang perlu dititikberatkan dalam menjawab tugas mengikut kehendak yang sebenar. Kebiasaannya dalam penulisan karangan di sekolah, stimulus ini merupakan kata kunci yang terdapat dalam soalan yang dikemukakan dan

pemahaman terhadap aspek ini sangat penting dalam menyelesaikan masalah tugas murid dengan langkah yang lebih teratur dan sistematik (Brill & Yarden, 2003 dan Zamnah et al., 2021). Perkara ini menunjukkan pentingnya kesepaduan idea antara kehendak soalan dengan tugas yang akan dihasilkan bagi menjamin kualiti hasil yang lebih baik. Perkara ini turut dinyatakan oleh Javadi & Gebauer (2019), kesepaduan idea merupakan gabungan antara dua atau lebih bermula daripada dorongan ataupun stimulus penting dalam menghasilkan hala tuju sesuatu tugas.

Oleh itu, penyelidik melihat terdapat ruang untuk memperluas lagi kajian mengenai kohesi dalam penulisan karangan murid. Penyelidik berpandangan kata kunci soalan ataupun idea yang terdapat di dalamnya haruslah dititikberatkan sebelum membuat idea pertautan ayat demi ayat semasa menulis karangan. Situasi ini menunjukkan perlunya kesepaduan idea antara kata kunci soalan dengan proses menulis dalam menghasilkan karangan yang mempunyai kohesi yang baik. Menurut Zulfiqar Ahmad (2019), kajian kohesi yang melibatkan hubungan dalam tekstur (merujuk soalan dan binaan karangan) dapat menghasilkan penemuan yang baharu dalam penyelidikan. Perkara ini turut diperkatakan oleh Usoro Mark Okono (2020), iaitu, kesepaduan idea antara soalan dan binaan isi karangan haruslah dititikberatkan dalam menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti.

Sehubungan itu, penyelidik berhasrat membina sebuah modul, iaitu, Modul Mahir Kohesi (MMK) untuk menyelesaikan masalah penulisan karangan yang tidak mempunyai tautan kohesi yang baik. MMK menekankan kepada jenis kohesi perulangan kerana dalam binaan modul yang baik, tajuk atau perkara yang dibincangkan haruslah berfokus. Perkara ini turut diperkatakan oleh Annas Surdyanto & Wiwit Kurniawan (2020), binaan



modul yang baik mestilah memfokuskan kepada sesuatu topik yang kecil dan diberikan penekanan kepadanya. Selain itu, penggunaan modul menjadikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas lebih terancang dalam mencapai objektif, bahan, aktiviti dan item penilaian (Ramli Yaacob, 2017 & Sulton Nawawi, 2017).

Seterusnya, kohesi jenis perulangan dipilih kerana kohesi jenis ini merupakan antara jenis kohesi yang sangat penting untuk menautkan kata, frasa dan ayat sebagai penegasan dan menjadikan penulisan karangan lebih berkualiti. Perkara ini disokong oleh Zia Hisni Mubarak (2019) dalam kajian beliau bertajuk "*The Analysis of Repetition as Part of Lexical Cohesion in Talk Shows*". Beliau menjelaskan kohesi jenis perulangan berdasarkan data temu bual rancangan "*Talk Show*" dalam *Youtube*, iaitu, perulangan dilakukan dengan mengulang semula kata, frasa mahupun ayat untuk menegaskan sesuatu penyampaian. Begitu juga kajian oleh Vivi Yulia Pratiwi et al. (2019) bertajuk "*An Analysis of Lexical Cohesion Found in 'Never Say Never' Song Lyrics*" yang melihat penggunaan kohesi jenis perulangan dalam lirik lagu "*Never Say Goodbye*" oleh Justin Bieber telah merumuskan bahawa penggunaan kohesi jenis perulangan menjadikan sesebuah penulisan lebih bermakna dan berkualiti.

Secara keseluruhannya, MMK yang dirancang untuk menyelesaikan masalah penulisan karangan yang tidak mempunyai tautan ini memfokuskan kepada kohesi jenis perulangan. Penyelidik cuba menerapkan konsep kesepaduan idea antara kata kunci soalan dengan binaan karangan dalam menghasilkan sebuah penulisan yang mempunyai pertautan antara kata, frasa dan ayat. Melalui elemen kohesi dalam kajian ini diharapkan dapat mengisi kelompongan masalah penulisan karangan yang tidak mempunyai tautan

sekali gus dapat meningkatkan kecemerlangan penulisan karangan murid dalam peperiksaan.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Tujuan kajian ini adalah untuk menyelesaikan masalah penulisan karangan murid tingkatan empat yang tidak mempunyai kohesi yang baik melalui penghasilan Modul Mahir Kohesi (MMK).

#### **1.5 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini terdiri daripada tiga fasa seperti berikut:

#### **Fasa Pertama: Analisis Keperluan**

**1.5.1** Mengenal pasti keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan.

- a) Mengenal pasti pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan.
- b) Mengenal pasti analisis dokumen terhadap keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan.

## **Fasa Kedua: Reka Bentuk dan Pembangunan**

**1.5.2** Mereka bentuk dan membangunkan modul melalui elemen dan konstruk yang disenaraikan oleh penyelidik berdasarkan kesepakatan pakar.

- a) Melihat elemen dan konstruk yang telah disenaraikan oleh penyelidik berdasarkan kesepakatan pakar dalam reka bentuk modul.
- b) Melihat elemen dan konstruk pembangunan modul berdasarkan kesahan kandungan oleh pakar.

## **Fasa Ketiga: Penilaian**

**1.5.3** Melihat tahap keberkesanan Modul Mahir Kohesi dari segi pencapaian hasil penulisan karangan dan perbezaan kekerapan penggunaan kohesi perulangan.

- a) Melihat pencapaian hasil penulisan karangan kumpulan eksperimen dalam praujian dan pascaujian.
- b) Melihat perbezaan kekerapan penggunaan kohesi perulangan dalam binaan karangan kumpulan eksperimen praujian dan pascaujian?

## 1.6 Soalan Kajian

Soalan kajian ini terdiri daripada tiga fasa seperti berikut:

### Fasa Pertama: Analisis Keperluan

#### 1.6.1 Apakah keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan?

- a) Apakah pandangan pakar terhadap keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan?
- b) Apakah analisis dokumen terhadap keperluan pembangunan modul berasaskan kohesi jenis perulangan?

### Fasa Kedua: Reka Bentuk dan Pembangunan

#### 1.6.2 Apakah reka bentuk bentuk dan pembangunan modul melalui elemen dan konstruk yang disenaraikan oleh penyelidik berdasarkan kesepakatan pakar?

- a) Apakah elemen dan konstruk yang telah disenaraikan oleh penyelidik berdasarkan kesepakatan pakar dalam reka bentuk modul?
- b) Apakah elemen dan konstruk pembangunan modul berdasarkan kesahan kandungan oleh pakar?

## Fasa Ketiga: Penilaian Kebolegunaan Modul

**1.6.3** Apakah tahap keberkesanan Modul Mahir Kohesi dari segi pencapaian hasil penulisan karangan dan perbezaan kekerapan penggunaan kohesi perulangan?

- a) Apakah pencapaian hasil penulisan karangan kumpulan eksperimen dalam praujian dan pascaujian?
- b) Apakah perbezaan kekerapan kohesi perulangan dalam binaan karangan kumpulan eksperimen praujian dan pascaujian?

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada Model Kohesi Jenis Perulangan oleh Halliday & Hassan (1976), Model Tautan Pindaan (MTP) Sanat Md Nasir (2002) dan Model Pengajaran Unsur Tautan (MPUT) Zamri Salleh & Abdull Shukor Shaari (2009). Dalam Model VARK oleh Neil Fleming (1987), iaitu, visual, aural, baca/tulis dan kinestetik (Fleming, 2001), hanya gaya pembelajaran visual difokuskan dalam kajian ini.

Seterusnya, daripada tiga prinsip dalam Pendekatan Konseptual Kata Kunci oleh Mokhtar Hassan (2007), hanya prinsip kedua, iaitu, prinsip pemilihan kata yang pilih dalam kajian ini. Pendekatan pengajaran karangan pula dibataskan kepada pendekatan proses mengikut Model Penulisan Hayes (2012).

Karangan yang dipilih dalam binaan modul pula ialah karangan umum Bahagian B, Bahasa Melayu Kertas 1 Kod Kertas 1103/1, Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Bentuk penulisan karangan pula ialah jenis karangan ekspositori, iaitu, berbentuk fakta. Batasan kajian ini juga terbatas kepada murid tingkatan 4 sekolah menengah harian.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Berikut merupakan kepentingan kajian yang diperoleh melalui penyelidikan ini:

### 1.8.1 Murid

Murid merupakan antara mereka yang mendapat banyak manfaat melalui kajian ini. Hal ini demikian kerana aspek kohesi dalam penulisan karangan merupakan perkara asas yang perlu dikuasai oleh mereka. Perkara ini penting dalam membantu mereka menulis bermula daripada akarnya, iaitu, kata kunci daripada soalan dan kata kunci itu menjadi kohesi yang akan menjadi pertautan dalam ayat untuk mewujudkan kesinambungannya. Oleh hal yang demikian, asas ini dapat membantu mereka menjawab soalan peperiksaan karangan dengan baik kerana mereka mampu menghasilkan sebuah karangan yang berkualiti.



## 1.8.2 Guru

Seterusnya, diharap kajian ini dapat membantu guru Bahasa Melayu secara khususnya dan guru mata pelajaran lain amnya untuk melihat kohesi dalam penulisan terutamanya karangan dengan lebih sistematik. Hal ini demikian kerana aspek kohesi merupakan asas utama kemahiran menulis yang tidak boleh diabaikan dalam menjadikan sesebuah penulisan mempunyai wacana yang baik. Oleh itu, guru dapat meningkatkan kualiti dan mutu pengajaran mereka dalam mengajar penulisan karangan dengan lebih baik serta membantu meningkatkan tahap profesionalisme mereka dalam aspek pedagogi.

## 1.8.3 Penggubal Dasar



Selain itu, penyelidik yakin melalui kajian ini secara tidak langsung dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, Bahagian Pendidikan Guru dan penggubal kurikulum untuk merancang dan menyusun kursus-kursus pedagogi Bahasa Melayu yang bersesuaian kepada guru terutamanya aspek kohesi. Hal ini demikian kerana aspek kohesi dalam penulisan ini bukan hanya bertumpu di sekolah sahaja malahan di semua peringkat yang menggunakan penulisan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Melalui kajian ini juga diharap dalam meminimumkan masalah kohesi dalam skrip jawapan calon seperti yang dilaporkan dalam Kupasan Mata Pelajaran Bahasa Melayu oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia.



#### 1.8.4 Kandungan Ilmu

Secara umumnya kajian ini sangat penting kerana penyelidik mendapati tidak terdapat satu binaan modul dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu di sekolah menengah dalam negara yang memberikan fokus kepada aspek kohesi yang bermula daripada asasnya, iaitu, kata kunci daripada kehendak soalan. Buktinya, penyelidik terdahulu seperti Zamri Salleh & Abdull Sukor Shaari (2009), hanya memfokuskan kepada pembinaan model unsur tautan yang dilihat oleh penyelidik kurang berkesan kerana bentuk pengajarannya tidak tersusun dan sistematik seperti yang terdapat dalam binaan sesebuah modul. Begitu juga kajian oleh Ramli Yaacob (2017), walaupun beliau membangunkan modul namun hanya melihat kohesi dari sudut konjungsi atau penghubung ayat sahaja.

Penyelidik berpendapat aspek kohesi yang dilihat oleh beliau tidak meluas dan kurang tepat dalam konteks menjawab soalan peperiksaan. Melalui dua kajian ini, penyelidik mendapati aspek kohesi kurang tepat dilihat kerana mereka tidak memfokuskan kohesi pada asasnya. Oleh itu, kajian ini sangat berguna kerana dalam membuat kesinambungan ataupun pertautan dalam ayat, seseorang itu haruslah mencari kata kunci dalam kehendak soalan (merujuk kepada peperiksaan) sebagai langkah utama dalam menyempurnakan kohesi. Oleh itu, setiap perkataan yang tepat dalam arahan tugas disebut sebagai kata kunci, membantu menjadi pendorong utama kohesi dalam melengkapkan sebuah wacana penulisan yang mantap.



Secara ringkasnya, kajian ini memberikan sumbangan ilmu dalam menterjemahkan pemikiran abstrak pada tahap kognitif kepada bentuk konkrit yang dapat dilihat dengan baik. Perkara ini merujuk kepada proses penulisan karangan yang bermula daripada pemilihan kata kunci berdasarkan kehendak soalan dilihat dalam bentuk konkrit dan menjadi kata fokus bagi elemen kohesi dalam membina karangan yang baik. Melalui elemen ini penyelidik memperkenalkan konsep kesepaduan idea antara kehendak soalan dan binaan karangan sebagai satu sumbangan ilmu baharu dalam proses penulisan karangan. Oleh itu, melalui sumbangan ini penyelidik yakin masalah kohesi dalam penulisan karangan secara khususnya dapat diatasi dan secara tidak langsung membantu meningkatkan aspek wacana yang lebih baik.

### 1.8.5 Metodologi

Selain itu, penyelidik yakin kajian ini mampu dijadikan rujukan kepada penyelidik dalam negara dan luar negara yang ingin melihat pengajaran kohesi menggunakan keadah sistematik, tersusun dan terancang melalui modul pengajaran. Hal ini demikian kerana melalui sorotan kajian lalu oleh penyelidik, didapati bahawa kajian dalam negara tidak dijumpai aspek kohesi dalam penulisan karangan yang diajar menggunakan pendekatan modul seperti kajian oleh Zamri Salleh & Abdull Sukor Shaari (2009), Shamsul Hazliyatul Akma Mohmad (2010), Nurmasitah Mat Hassan (2016) dan Norfaizah Abdul Jobar (2019) kecuali kajian oleh Ramli Yaacob (2017).

Begitu juga kajian berkaitan kohesi dalam penulisan karangan luar negara seperti kajian oleh Crossley et al. (2016), Veda AslımYetiş (2017), Masadeh (2019), Basuki Rachmat Sinaga et al. (2019), Yuliani Trisnaningrum et al. (2019), Amaechi Uneke Enyi

& Edwin Chiekpezie Orji (2019), Stambouli & Belmekki (2019) dan Vargas et al. (2020). Kebanyakan kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu hanya melihat kohesi menggunakan kaedah tinjauan untuk melihat kekerapan penggunaan kohesi dalam penulisan karangan berdasarkan analisis dokumen. Oleh itu, kajian ini sangat penting sebagai penanda aras untuk melihat kohesi dalam penulisan karangan secara lebih sistematik, terancang dan tersusun melalui binaan modul.

## 1.9 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat istilah seperti modul, mahir, kohesi dan penulisan karangan yang digunakan untuk menerangkan maksud yang sesuai terhadap kajian. Berikut dijelaskan definisi konsep penting yang digunakan dalam kajian ini.

### 1.9.1 Modul

Menurut Septian Ari Kususa et al. (2017), modul ialah satu set bahan pengajaran yang dibina secara sistematik supaya pengguna dapat belajar secara sendiri tanpa fasilitator atau guru. Menurut Tri Anita Nur Hasanah et al. (2017), modul ialah bahan yang digunakan untuk membantu guru dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Seterusnya, menurut Astalini Astalini et al. (2019), modul merupakan buku panduan terdiri daripada beberapa bahan untuk memudahkan sesuatu penyampaian. Menurut Neneng Susanti et al. (2020), modul ialah salah satu bahan pengajaran yang dirancang secara sistematik, menarik dan secara kontekstual sehingga mudah dipelajari secara bebas.

Dalam kajian ini, modul merujuk kepada Modul Mahir Kohesi yang dirancang secara sistematik sebagai panduan untuk mengajar penulisan karangan yang mempunyai kohesi berdasarkan konsep kesepaduan idea antara kehendak soalan dan binaan karangan bagi murid tingkatan empat.

### 1.9.2 Mahir

Menurut pandangan Harsch (2017), mahir merujuk kepada kecekapan terhadap apa-apa yang dapat dilakukan berdasarkan apa-apa yang diaplikasi oleh seseorang. Menurut pandangan Haida et al. (2020) pula, mahir merujuk kepada proses melakukan sesuatu perkara dengan cara yang cekap melalui latihan demi latihan. Berdasarkan kedua-dua pandangan ini, mahir merupakan kecekapan seseorang dalam melakukan sesuatu perkara berdasarkan pengetahuan yang diterima.

Dalam kajian ini, mahir merujuk kepada kecekapan murid menggunakan kohesi perulangan dalam penulisan karangan sebagai salah satu aspek wacana penting kemahiran menulis. Perkara ini sejajar dengan pandangan Ozcelik & Batur (2023) dan Karolis et al. (2024), iaitu, kemahiran menulis karangan merupakan salah satu kecekapan murid dalam bidang akademik bagi tujuan menyampaikan idea secara ringkas, logik dan persuasif bagi memperkasakan pemikiran mereka sebagai pembinaan pengetahuan.

### 1.9.3 Kohesi

Menurut Amaechi Uneke Enyi dan Edwin Chiekpezie Orji (2019), kohesi adalah hubungan tatabahasa dan leksikal dalam wacana atau alat yang menyatukan teks dan memberikannya makna. Menurut Vargas et al. (2020), menjelaskan kohesi sebagai kehadiran atau ketiadaan isyarat eksplisit dalam teks yang memungkinkan pembaca membuat hubungan antara idea dalam teks terbahagi kepada kohesi jenis gramatikal dan leksikal. Oleh itu, kohesi ialah pertautan dalam ayat untuk memastikan wujudnya kesinambungan dalam sesebuah penulisan.

Menurut Andi Tenri Ampa & Muhammad Basri (2019), kohesi jenis perulangan merupakan kohesi leksikal terdiri daripada pengulangan, sinonim, antonim, hiponim dan meronim yang menghubungkan bahagian karangan agar mempunyai kohesi lebih berkohesif. Menurut Zia Hisni Mubarak (2019), kohesi jenis perulangan adalah salah satu kohesi leksikal dengan mengulang kembali perkataan, frasa dan ayat yang sama untuk menegaskan sebuah pemikiran atau penyampaian.

Dalam kajian ini, kohesi jenis perulangan merujuk kepada pengulangan kata, frasa dan ayat berasaskan kata kunci yang terdapat dalam soalan peperiksaan terdiri daripada arahan tugas, subjek, arahan tema, tema, keterangan dan objek. Aspek ini penting dalam kajian ini dalam mewujudkan kesinambungan kata, frasa dan ayat dalam binaan karangan mempunyai kohesi yang baik.

#### 1.9.4 Penulisan Karangan

Menurut Hayes (2012) pula, penulisan karangan melibatkan pengolahan atau respon terhadap sesuatu tajuk soalan yang diberikan. Kebiasaannya, format karangan yang ditetapkan adalah dalam bentuk pemerenggan yang meliputi pendahuluan, isi dan kesimpulan. Menurut Carol et al. (2018), penulisan karangan merupakan kemahiran menulis kompleks yang melibatkan kemampuan interaksi dengan latihan untuk menghasilkan karangan berkualiti.

Seterusnya, menurut Wuryani & Yufiarti (2017), penulisan karangan merupakan proses mengembangkan pola pemikiran melalui pelahiran idea dalam binaan karangan yang terdiri daripada pendahuluan, isi dan penutup.

Dalam kajian ini, penulisan karangan merujuk kepada kesepaduan idea antara kata kunci dalam soalan dengan binaan karangan meliputi pendahuluan, isi dan penutup.

## 1.10 Rumusan

Secara keseluruhannya bab ini merupakan pengenalan kepada kajian yang akan dijalankan oleh penyelidik dengan melihat masalah penulisan karangan murid dalam peperiksaan dari sudut kohesi. Seterusnya, dalam permasalahan kajian, penyelidik cuba mengetengahkan masalah kohesi dalam penulisan karangan, perincian masalah masalah kohesi jenis perulangan dan konsep kesepaduan idea antara kehendak soalan dengan binaan karangan untuk membangunkan modul bagi menyelesaikan masalah karangan murid yang tidak mempunyai kohesi.

Penyelidik juga menjelaskan tujuan dan objektif pembangunan modul ini dalam membantu menyelesaikan permasalahan ini. Melalui definisi operasional, penyelidik menerangkan istilah atau maksud penting yang menjadi asas dalam kajian ini dan memperlihatkan kepentingan kajian ini secara meluas kepada semua pihak agar kohesi dalam penulisan karangan ini dapat diajar secara lebih sistematik dalam membantu bidang wacana secara khususnya. Sorotan literatur mengenai kajian ini akan dikupas secara mendalam dalam Bab 2 yang akan memperincikan aspek teori, pendekatan, model, kajian berkaitan dan kerangka konseptual kajian.